

CORFLES C SYRUP

Ammonium chloride/Diphenhydramine hydrochloride (67.5mg/7mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Corfles C Syrup
2. Bagaimana Corfles C Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Corfles C Syrup
4. Cara pengambilan Corfles C Syrup
5. Semasa mengambil Corfles C Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Corfles C Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Corfles C Syrup

Corfles C Syrup digunakan untuk melegakan kesesakan dada dan batuk berkahak yang disebabkan oleh selesama atau alergi.

Doktor atau ahli farmasi boleh mencadangkan Corfles C Syrup atas sebab-sebab yang lain. Hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut.

Bagaimana Corfles C Syrup berfungsi

Bahan-bahan aktif dalam ubat ini adalah Diphenhydramine hydrochloride dan Ammonium chloride.

Diphenhydramine adalah antihistamina yang berfungsi dengan menghalang tindakan histamina, sejenis bahan dalam badan yang menyebabkan gejala alergi. Ia mempunyai kesan sedatif.

Ammonium chloride digunakan sebagai ekspektoran. Ia membantu mengeluarkan kahak semasa batuk.

Sebelum mengambil Corfles C Syrup

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Corfles C Syrup, jika anda mempunyai alahan kepada Diphenhydramine hydrochloride dan Ammonium chloride, atau sebarang bahan yang disenaraikan dalam formula ini.

Jangan berikan Corfles C Syrup kepada kanak-kanak kurang daripada 2 tahun tahun. Gunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

Jangan mengambil Corfles C Syrup jika tarikh tamat tempoh (EXP) dicetak pada

pek telah luput. Jika anda tidak pasti sama ada perlu mula mengambil Corfles C Syrup, hubungi doktor atau ahli farmasi.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan, terutamanya seperti berikut:

- Penyakit buah pinggang atau hati
- Masalah pernafasan (seperti asma)
- Kelenjar tiroid yang terlalu aktif
- Tekanan darah tinggi

Jika mengambil ubat-ubat lain

Jangan mengambil Corfles C Syrup dengan produk-produk lain yang mengandungi Diphenhydramine atau ubat antihistamina yang lain, melainkan jika dinasihatkan untuk berbuat demikian oleh doktor atau ahli farmasi.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat boleh mengganggu fungsi Corfles C Syrup, ini termasuklah:

- Monoamine oxidase inhibitors (untuk depresi)
- Ubat depresi sistem saraf pusat (hipnotik, sedatif, trankuilizer)
- Alkohol

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anak anda mengambil ubat-ubatan lain yang tidak tersenarai seperti di atas.

Cara pengambilan Corfles C Syrup

Berapa banyak harus diambil

Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Kanak-kanak yang berumur lebih daripada 2 tahun:

1-2 sudu teh (5 -10 ml) setiap 4 jam tidak melebihi 12 sudu teh (60 ml) dalam masa 24 jam, atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

Bila perlu diambil

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu diambil

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak ubat ini boleh menyebabkan :

- Keterujaan yang luar biasa
- Bergeletar
- Halusinasi
- Sawan
- Psikosis (gangguan mental)
- Mengantuk
- Koma
- Kegagalan pernafasan (pertukaran gas yang tidak mencukupi oleh sistem pernafasan)
- Demam panas
- Gangguan koordinasi otot

Semasa mengambil Corfles C Syrup

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anak anda bahawa anak anda sedang menggunakan Corfles C Syrup.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

CORFLES C SYRUP

Ammonium chloride/Diphenhydramine hydrochloride (67.5mg/7mg per 5ml)

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Corfles C Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini menyebabkan kesan mengantuk, hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Corfles C Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anak anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini. Kesan-kesan sampingan adalah:

- Pening
- Mengantuk
- Keriangan atau kegembiraan yang abnormal
- Gemuruh
- Insomnia
- terketar-ketar
- Penglihatan kabur
- Ruam kulit
- Kering mulut
- Loya dan muntah-muntah
- Sakit perut
- Cirit-birit
- Retensi dan kesukaran membuang air kencing
- Sembelit

Ini bukan senarai kesan sampingan yang lengkap. Anda harus memberitahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami masalah dengan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Corfles C Syrup

Nombor siri

BPFK(R4/1)061115/00408

Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan bekas tertutup rapat di tempat yang kering, di bawah 25°C dan lindungi daripada cahaya.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Cecair pekat berwarna coklat gelap, bebas daripada sebarang bendasing.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

Setiap 5ml mengandungi:
Ammonium chloride 67.5mg dan
Diphenhydramine hydrochloride 7mg

Bahan-bahan tidak aktif:

Glycerin, Ethanol, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Sodium Citrate, Xanthan Gum, Sodium saccharine, Menthol Crystal, Raspberry Flavour, liquid caramel, Purified Water, Granular sugar dan Citric Acid

Nombor MAL

MAL 19963173AZ

Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P)
Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan,
Bakar Arang Industrial Estate,
08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P)
Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan,
Bakar Arang Industrial Estate,
08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/11/2015